

Perkembangan aspek keusahawanan, ekonomi dan sosial Orang Asli di Malaysia: Satu analisis literatur

ABSTRACT

Konsep orang asli kerap kali ditakrifkan sebagai kumpulan komuniti yang sangat rentan terhadap eksploitasi, peminggiran dan penguasaan oleh negara atau negara yang masih dalam proses penjajahan ataupun oleh etnik yang dominan secara politik. Terdapat lebih daripada 370 juta orang asli di 70 negara di seluruh dunia. Mereka mengamalkan adat istiadat eksklusif, mengekalkan ciri-ciri sosial, budaya, ekonomi dan politik yang berbeza daripada masyarakat dominan di mana mereka tinggal. Orang asli di Malaysia terdiri daripada tiga suku kaum utama, iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Malay. Dalam kumpulan tiga suku kaum ini, terdapat 18 kumpulan sub-etnik seperti yang secara amnya dikelaskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Hasil penyelidikan terhadap keusahawanan dalam kalangan orang asli menunjukkan perkembangan yang berterusan dari semasa ke semasa. Namun dalam aspek ekonomi, masyarakat orang asli masih mencatatkan kadar kemiskinan dan miskin tegar tertinggi di Malaysia. Kemiskinan dan kemiskinan tegar dalam kalangan orang asli masing-masing adalah 81.45% dan 48.85% pada tahun 2000. Akibat daripada kemiskinan ini, wujudnya beberapa masalah lain seperti penyakit berjangkit, kadar kematian bayi yang tinggi dan sebagainya. Pelbagai inisiatif yang dijalankan bagi merapatkan jurang kemiskinan orang asli dengan masyarakat dominan yang lain.